



Ruj. Kami : JPA(I)S.177/22/1 Klt.10 (23)
Tarikh : 6 Jun 2016 / 1 Ramadan 1437

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan penajaan untuk Pegawai Pengurusan dan Profesional bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa Sesi 2017.

3. Kemudahan yang disediakan adalah terbahagi kepada dua (2) kategori (**LAMPIRAN 1**) seperti berikut:

- (i) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) **atau** Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) bagi **Pegawai Perkhidmatan Gunasama**; dan
- (ii) Hadiah Latihan Persekutuan bagi **Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama**.

4. Pelawaan ini tidak meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan**), **Kementerian Pendidikan Tinggi** (bagi **Pensyarah Universiti dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi**), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia**), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan**), dan Agensi/Badan Berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya.

5. Bagi permohonan Sesi 2017, **urusan temuduga untuk calon-calon Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama akan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA**. Penawaran dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara dalam talian	10 Jun sehingga 1 Julai 2016
2.	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan	1 Julai 2016
3.	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	Ogos 2016
4.	Semakan keputusan melalui portal eSila, JPA http://esilav2.jpa.gov.my	November 2016

6. Butir-butir syarat dan kriteria, tatacara permohonan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah seperti di **LAMPIRAN** berkaitan. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATIN DR. ROSSLINA BINTI AHMAD MOKHTAR)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

**PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN
DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT
SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2017**

PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Gunasama bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Skim perkhidmatan yang terlibat ialah **Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Teknologi Maklumat, Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Psikologi.**

PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama.

1. Syarat Umum

Pegawai-pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

2. Syarat Khusus

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Pada **1 Januari 2017**, pegawai mestilah berumur tidak melebihi **45 tahun** bagi pengajian peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Sarjana**;
- (iii) Pegawai hendaklah **telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun (lantikan selewat-lewatnya 1 Januari 2013)** pada tarikh tutup permohonan;
- (iv) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (v) Mencapai **markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini **secara berturut-turut (2013, 2014 & 2015)**. **Penilaian setahun LNPT** hendaklah **genap 12 bulan**;

- (vi) Memiliki syarat kelayakan akademik seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelulusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja di Peringkat P&P (pada 1 Januari 2016)
Sarjana	2.00 – 2.49	10 tahun
	2.50 – 2.99	5 tahun
	3.00 dan ke atas	3 tahun
Ph.D	Lulus Peringkat Sarjana	3 tahun

- (vii) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2017)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (viii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (ix) Telah mengisytiharkan harta;
- (x) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;
- (xi) **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi** di dalam negara;

atau

Telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam negara;

atau

Bagi calon Ph.D sahaja - Telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka dengan syarat pemohon perlu **memohon penangguhan pengajian** daripada universiti bagi mengikuti Kursus Persediaan Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) yang ditetapkan JPA;

*Tawaran HLP atau CBBPTB akan **terbatal** sekiranya pegawai gagal mengikuti Kursus Persediaan Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D).

- (xii) Pemohon HLP dan CBBPTB peringkat Sarjana untuk bidang pengajian **Ekonomi, Kaunseling dan Psikologi** hendaklah mempunyai latar belakang akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang-bidang tersebut;
- (xiii) Menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN 2** dengan pilihan Bidang Pengajian seperti di **LAMPIRAN 3**;
- (xiv) Memilih tempat pengajian di universiti-universiti tempatan seperti di **LAMPIRAN 4**;
- (xvi) Telah lulus ujian Bahasa Inggeris dengan skor minimum yang ditetapkan oleh IPTA/IPTS yang dipohon semasa mengemukakan permohonan. Senarai IPTA/IPTS yang menetapkan syarat tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) IPTA
 - (i) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; dan
 - (ii) Universiti Sains Islam Malaysia.
 - (b) IPTS
 - (i) Monash University;
 - (ii) Swinburne University;
 - (iii) Curtin University;
 - (iv) Nottingham University;
 - (v) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN);
 - (vi) Universiti Multimedia (MMU); dan
 - (vii) Universiti Teknologi Petronas (UTP).

3. **Kemudahan**

- (i) **Pegawai Perkhidmatan Gunasama** yang berjaya dipilih akan ditawarkan:
 - (a) **Hadiah Latihan Persekutuan** dengan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**; atau
 - (b) **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa** dengan kemudahan penajaan CBBPTB sedia ada; dan
- (ii) **Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama** yang berjaya dipilih akan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan** dengan kelulusan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.

4. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai-pegawai yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

5. Tatacara Permohonan

- (i) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan (**LAMPIRAN A**) secara dalam talian di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 10 Jun sehingga 1 Julai 2016**.
- (ii) **Borang yang telah lengkap** diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
 - (a) Salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya;
 - (b) Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya ada);
 - (c) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga);
 - (d) Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian (4 salinan); dan
 - (e) Salinan Slip keputusan TOEFL atau IELTS bagi IPTA/IPTS berkaitan;
- (iii) Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

6. Ujian Khas

Bagi pemohon yang berjaya untuk dipanggil temuduga, pemohon **diwajibkan** untuk menduduki Ujian Khas secara *online* yang boleh dicapai semasa **semakan panggilan temuduga di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>**.

7. Tanggungjawab Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sempurna perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**;
- (ii) Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya **memperakukan calon yang boleh dilepaskan** oleh Ketua Jabatan pada tahun 2017 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP atau CBBPTB ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian;
- (iii) Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**) dan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**); dan
 - (b) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama:-
 - (1) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 5; dan
 - (2) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 7(iii)(a).
- (iv) **Pencalonan tanpa melalui PPSM dan tanpa borang-borang yang lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya**;
- (v) Jabatan ini **berhak menolak pencalonan** daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang didapati tidak mengambil tindakan yang digariskan di atas;

- (vi) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah mengandungi:
- (a) **dua (2)** set dokumen seperti di perenggan 5 dan 7(iii)(a); dan
 - (b) **empat (4)** salinan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian.
- (vii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **1 Julai 2016** dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C1, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.

(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

8. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Telefon : 03-8885 3546
Faks : 03-8889 2171
Emel : ldp@jpa.gov.my

JPA

**PANDUAN MENULIS CADANGAN PENYELIDIKAN / PENGAJIAN
BAGI PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN
DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA
DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2017**

(A) Panduan menulis cadangan penyelidikan (Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan penuh)

Guideline to writing research proposal (Ph.D and Masters by research)

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu kenyataan berkaitan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan calon Sarjana secara penyelidikan penuh). Pernyataan haruslah mengandungi elemen berikut:

Applicants are required to submit a research proposal (Ph.D & Masters by research). The statement should comprise the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan dan Bidang Penyelidikan (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number and Field of Research (Please write as a header of every page)
- (ii) Objektif kajian / Pernyataan masalah
Objective of study / Problem statement
Jelaskan apakah objektif / pernyataan masalah yang mendorong tajuk ini dikaji
Explain the objective(s) / problem statement that influence the research
- (iii) Latar belakang atau kajian perpustakaan ringkas mengenai bidang kajian
Background or a brief literature review on the research topic
- (iv) Skop kajian / Rangka kajian
Scope of study / Theoretical framework
- (v) Metodologi kajian
Methodological research
Jelaskan metod-metod yang akan digunakan dalam membuat kajian seperti perpustakaan, kerja makmal, kajian luar, dokumentari persejarahan, wawancara/soal selidik, penafsiran dan analisis, dan lainnya.
Explain the methods used in the research such as library research, lab work, field work, historical documentary, interview, survey, evaluation and analysis, etc.
- (vi) Rangka jadual kerja
Work schedule
- (vii) Bibliografi ringkas
Brief bibliography
- (viii) Kepentingan kajian
Significance of research

Cadangan penyelidikan ini hendaklah **tidak kurang daripada 10 muka surat (Ph.D) dan 5 muka surat (Sarjana) ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan disediakan sebanyak 4 salinan.**

The research proposal should not be less than 10 pages (Ph.D) or 5 pages (Masters), written in Bahasa Melayu or English and must be prepared in 4 copies.

(B) Panduan menulis cadangan pernyataan ringkas bidang pengajian (Sarjana secara kerja kursus)

Guideline to writing brief description of study area (Masters by Coursework)

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu pernyataan ringkas berkaitan bidang pengajian. Pernyataan harus mengandungi elemen-elemen berikut:

Applicants are required to submit a brief description of study area. The description should comprise the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan dan Bidang Pengajian (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number and Field of Study (Please write as a header of every page)
- (ii) Maklumat Institusi Pengajian
Preferred Institution of Study

Bil.	IPTA/IPTS yang dipilih	Nama Kursus/Program	Jumlah keseluruhan jam kredit yang ditawarkan
1.			
2.			
3.			

- (iii) Skop Pengajian (penyataan hendaklah tidak kurang daripada 500 patah perkataan)
Detailed Plan of Study
- (iv) Potensi kepentingan pengajian kepada Skim dan Perkhidmatan Awam (penyataan hendaklah tidak kurang daripada 1000 patah perkataan)
Benefits of study towards Public Service

Cadangan pernyataan ringkas bidang pengajian ini hendaklah mengandungi **sekurang-kurangnya 3 muka surat serta ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan disediakan sebanyak 4 salinan.**

The research proposal should not be less than 3 pages, written in Bahasa Melayu or English and must be prepared in 4 copies.

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	1. (SS)Business & Administration	(i) Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan		✓
		(ii) <i>Business Coaching</i>		✓
		(iii) Keusahawanan Islam		✓
	2. (SS)Management & Administration	(i) Pengurusan	✓	✓
		(ii) Sains Perancangan		✓
		(iii) Pengurusan Sumber Manusia	✓	✓
		(iv) Pembangunan Sumber Manusia		✓
		(v) Pentadbiran Awam		✓
		(vi) Perancangan dan Pengurusan Pembangunan		✓
	3. (SS)Project Management	(i) Pengurusan Projek dan Aset	✓	✓
		(ii) Kejuruteraan	✓	✓
		(iii) <i>Contract Management</i>		✓
	4. (SS)Property Management	(i) Pengurusan Harta Islam		✓
		(ii) <i>Urban Planning and Asset Management</i>		✓
		(iii) <i>Landscape Property Management</i>		✓
	5. (SS)Land Management	(i) Pengurusan & Pentadbiran Tanah	✓	✓
		(ii) Perundangan Harta Tanah	✓	✓
	6. (SS)Marketing Management	Pemasaran		✓
	7. (SS)Quality	Pengurusan Halal		✓
	8. (SS)Space Management	Space Management and Policy	✓	✓
	9. (SS)Accountancy & Taxation	(i) Perakaunan	✓	✓
		(ii) Audit		✓
		(iii) Percukaian Islam		✓
	10. (SS)Banking, Finance & Trade	(i) Perbankan Islam	✓	✓
		(ii) Pengurusan Kewangan	✓	✓
		(iii) Perdagangan Antarabangsa	✓	✓
	11. (SS)Communication & Information	(i) Komunikasi Korporat		✓
		(ii) Perhubungan Awam		✓
		(iii) Pengurusan Perpustakaan & Maklumat		✓
		(iv) Keusahawanan Maklumat		✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	11. (SS)Communication & Information	(v) <i>Record Authority</i>		✓
		(vi) Pengauditan Maklumat		✓
		(vii) <i>Information and Communication Technology</i>		✓
		(viii) Pengurusan Rekod		✓
		(ix) Pengurusan Maklumat		✓
		(x) Pengurusan Pengetahuan		✓
		(xi) <i>Library Studies</i>		✓
		(xii) Pemuliharaan Arkib	✓	
	12. (SS)Travel, Tourism & Leisure	(i) Ekopelancongan		✓
		(ii) <i>Tourism Planning & Development</i>		✓
		(iii) <i>Tourism Landscape</i>		✓
	13. (SS)Security Services	(i) Analisis Strategi dan Keselamatan	✓	✓
		(ii) Perancangan Strategik	✓	✓
		(iii) <i>Security Management</i>	✓	✓
		(iv) Dasar Keselamatan Pasport & Dokumen Perjalanan Jabatan		✓
		(v) Dasar Keselamatan Kawalan Pintu Masuk		✓
		(vi) Pengurusan & Penilaian Risiko	✓	✓
		(vii) <i>Emergency Response & Planning</i>		✓
		(viii) <i>Occupational Safety & Health</i>	✓	✓
		(ix) Pengurusan Keselamatan Industri		✓
		(x) <i>Recreational & Safety Management</i>		✓
		(xi) <i>Fire Safety Engineering / Fire Engineering</i>		✓
		(xii) <i>Fire Investigation</i>		✓
		(xiii) Pengurusan Bencana & Krisis	✓	✓
		(xiv) Geobencana		✓
	14. (SS)Psychology	(i) Psikologi		✓
		(ii) <i>Psychology & Disability</i>	✓	✓
		(iii) Psikologi Kanak-kanak		✓
		(iv) <i>Juvenile Justice System</i>		✓
		(v) <i>Clinical Psychology</i>		✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	15. (SS)Sociology & Cultural Studies	(i) Perkembangan Remaja		✓
		(ii) Kanak-kanak		✓
		(iii) Perkembangan Kanak-kanak		✓
		(iv) Pembangunan Komuniti / Sosial		✓
		(v) Golongan Rentan (LGBT/HIV/AIDS)		✓
		(vi) Pengurusan Dasar & Perancangan/ Pengurusan Kebudayaan & Kesenian	✓	✓
		(vii) Orang Kurang Upaya		✓
		(viii) <i>Gender Mainstreaming</i>	✓	✓
		(ix) <i>Gender Sensitization</i>		✓
		(x) Gerontologi	✓	✓
		(xi) Kriminologi		✓
		(xii) Pengurusan Rasuah		✓
		(xiii) Polisi dan Perancangan Sosial		✓
		(xiv) Sosial Perubatan		✓
	16. (SS)Counselling	(i) Kerja Sosial	✓	✓
		(ii) Kaunseling	✓	✓
	17. (SS)International	(i) Antarabangsa Dalam Integrasi Serantau		✓
		(ii) <i>International Policy and Development</i>		✓
		(iii) Strategik & Perhubungan Antarabangsa		✓
	18. (SS)Economics	(i) Takaful Islam		✓
		(ii) Ekonomi		✓
	19. (SS)Law	(i) Undang-undang	✓	✓
		(ii) Undang-undang Syariah	✓	✓
	20. (SS)Logistics	(i) <i>Transportation</i>		✓
		(ii) <i>Urban Transportation Planning</i>		✓
	21. (SS)Mathematics & Statistics	(i) Sains Pemutusan		✓
		(ii) Matematik		✓
		(iii) Statistik	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Fizikal	22. (SF)Chemistry	Kimia		✓
	23. (SF)Earth Science	(i) <i>Soil Science</i>		✓
		(ii) Geoforensik	✓	✓
		(iii) Geofizik		✓
		(iv) Geologi marin	✓	✓
		(v) <i>Marine Policy</i>	✓	
		(vi) Teknologi marin		✓
		(vii) Sistem Maklumat Geografi/ <i>Oceanography Satellite</i>	✓	
		(viii) Pemetaan Geologi		✓
		(ix) Geologi Struktur		✓
		(x) Geotektonik		✓
		(xi) Seismologi	✓	
		(xii) Eksplorasi sumber mineral berlogam/strategik		✓
		(xiii) <i>Geographic Information System</i>		✓
		(xiv) <i>Remote Sensing</i>		✓
		(xv) Geografi		✓
		(xvi) Kartografi		✓
		(xvii) Ukur Kadaster	✓	✓
		(xviii) Hidrografi	✓	✓
		(xix) Geodesi	✓	✓
24. (SF)Information Technology	(i) Teknologi Maklumat		✓	
	(ii) Maklumat dan Bahan Digital	✓	✓	
25. (SF)Material Science	(i) Sains Bahan		✓	
	(ii) <i>Forensic Science</i>		✓	
26. (SF)Space Science	(i) Space Science	✓		
	(ii) Astronomy & Astrophysics		✓	
Sains Hayat	27. (SH)Agriculture	(i) <i>Agriculture Research & Development</i>	✓	
		(ii) <i>Post Harvest Technology</i>		✓
		(iii) <i>Agriculture Engineering</i>		✓
	28. (SH)Agronomy	<i>Agronomy</i>		✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Hayat	29. (SH)Animal	(i) <i>Animal Reproduction & Genetic</i>	✓	
		(ii) <i>Animal Production</i>		✓
	30. (SH)Atmosphere	Meteorologi		✓
	31. (SH)Biodiversity	Sains Biodiversiti		✓
	32. (SH)Biology & Biochemistry	(i) Biologi		✓
		(ii) Biochemistry		✓
	33. (SH)Biology Applied	(i) <i>Weed Science</i>		✓
		(ii) <i>Seed Technology</i>		✓
	34. (SH)Biotechnology	(i) Bioteknologi Sumber		✓
		(ii) <i>Bioactive Compound Extration & Development Technology</i>		✓
	35. (SH)Environmental Protection	(i) Pengurusan Kawasan Perlindungan	✓	✓
		(ii) Pengurusan Persekitaran	✓	✓
		(iii) Pengurusan Alam Sekitar	✓	✓
	36. (SH)Fishery	(i) Pengurusan Sumber Perikanan		✓
		(ii) Perkhidmatan Pengembangan Perikanan		✓
	37. (SH)Food	(i) <i>Food Safety</i>		✓
		(ii) <i>Food Technology</i>	✓	✓
		(iii) <i>Organic Farming & Food System</i>		✓
	38. (SH)Forestry	(i) Pengurusan Perhutanan	✓	✓
		(ii) Sivikultur & Pemuliharaan Biologi Hutan	✓	✓
39. (SH)Genetics	<i>Genetic and Plant Breeding</i>		✓	
40. (SH)Veterinary	(i) <i>Veterinary Epidemiology</i>	✓		
	(ii) <i>Veterinary Clinical & Surgery</i>		✓	
	(iii) <i>Veterinary Diagnostic (Veterinary Laboratory)</i>		✓	
41. (SH)Zoology	Zoologi		✓	
Sastera & Kemanusiaan	42. (SK)Arts	(i) Seni Teater dan Pengurusan Produksi		✓
		(ii) Seni kreatif	✓	✓
	43. (SK)Heritage	Konservasi	✓	✓
	44. (SK)Religion	(i) Tasawuf		✓
(ii) Aliran Pemikiran			✓	

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HLP SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sastera & Kemanusiaan	44. (SK)Religion	(iii) Perbandingan Agama		✓
		(iv) Dakwah dan Pembangunan Insan		✓
		(v) Hisbah dan Akreditasi Islam	✓	✓
		(vi) Penyelidikan dan Pembangunan Islam		✓
Kejuruteraan & Teknologi	45. (KT)Aeronautical	(i) <i>Air Transport</i>		✓
		(ii) <i>Air Traffic Services</i>	✓	✓
	46. (KT)Aerospace	<i>Aerospace</i>	✓	✓
	47. (KT)Avionics	<i>Aviation Safety</i>		✓
	48. (KT)Building	Kejuruteraan Tanah & Struktur Bangunan		✓
	49. (KT)Chemical Engineering	Kejuruteraan Kimia	✓	✓
	50. (KT)Civil Engineering	(i) Kejuruteraan Awam - Penyelidikan Alam sekitar	✓	✓
		(ii) Kejuruteraan Awam		✓
	51. (KT)Electrical/Electronic Engineering	<i>Electrical and Electronics Engineering</i>		✓
	52. (KT)Geoengineering	Geologi Kejuruteraan		✓
	53. (KT)Geospatial/Geomatic Engineering	(i) Geodesi		✓
		(ii) <i>Global Navigation Satellite System (GNSS)</i>		✓
	54. (KT)Green Technology	(i) Kejuruteraan Akuakultur	✓	✓
		(ii) Teknologi hijau	✓	✓
	55. (KT)Mechanical Engineering	(i) <i>Drilling Engineering</i>		✓
		(ii) Kejuruteraan Mekanikal	✓	✓
	56. (KT)Nanotechnology	Teknologi nano		✓
	57. (KT)Electrical & Electronics	<i>Electrical & Electronics</i>	✓	✓
	58. (KT)Town Planning	(i) <i>Rural Economy & Development Planning</i>	✓	
		(ii) Perancangan Perumahan		✓
(iii) <i>Philosophy Town Planning</i>			✓	
(iv) <i>Environmental Impact Assessment</i>			✓	
(v) Perancangan Bandar dan Wilayah			✓	
(vi) Rekabentuk Bandar Mampan			✓	
(vii) <i>Urban Spatial Analysis</i>			✓	
(viii) <i>Built Environment</i>			✓	

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK)**

(* Nota: **BIDANG KEUTAMAAN** merupakan bidang- bidang penting yang diberikan penekanan berdasarkan kepada keperluan semasa dan trend permintaan pada tahun sebelum)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	1. Pengurusan Sumber Manusia	(i) Dasar Saraan		✓
		(ii) Perkhidmatan dan Pembangunan Bakat		✓
		(iii) Pembangunan Latihan Sumber Manusia	✓	✓
		(iv) Dasar Hubungan Majikan-Pekerja		✓
	2. Tadbir Urus / Pengurusan Strategik (* BIDANG KEUTAMAAN)	(i) Pengurusan Strategik	✓	✓
		(ii) Komunikasi Strategik	✓	✓
		(iii) Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan		✓
		(iv) Pengurusan Kualiti dan Inovasi	✓	✓
		(v) Tadbir Urus	✓	✓
	3. Pentadbiran Tanah dan Kerajaan Tempatan	(i) Penyelidikan Teknikal Tanah	✓	✓
		(ii) Pentadbiran Kerajaan Tempatan	✓	✓
	4. Pengurusan Projek, Aset dan Fasiliti	(i) Pengurusan Projek Pembangunan	✓	✓
		(ii) Pengurusan Hartanah	✓	✓
	5. Analisa Ekonomi Makro (* BIDANG KEUTAMAAN)	(i) Analisa Makro	✓	✓
		(ii) Penyelidikan Ekonomi	✓	✓
		(iii) Model Ekonomi	✓	✓
	6. Pengurusan Ekonomi Sektoral	(i) Ekonomi Sektor Perindustrian dan Perkhidmatan	✓	✓
		(ii) Ekonomi Sektor Alam Sekitar dan Tenaga		✓
		(iii) Ekonomi Sektor Keselamatan dan Pertahanan	✓	✓
	7. Perdagangan dan Perindustrian	(i) Perdagangan Antarabangsa	✓	✓
		(ii) Strategi Perdagangan	✓	✓
		(iii) Perniagaan Antarabangsa		✓
		(iv) Pembangunan Perindustrian	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK)**

(* Nota: **BIDANG KEUTAMAAN** merupakan bidang- bidang penting yang diberikan penekanan berdasarkan kepada keperluan semasa dan trend permintaan pada tahun sebelum)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA	
Sains Sosial	8. Pengurusan Kewangan Awam	(i) Kewangan Fiskal	✓	✓	
		(ii) Kewangan Monetari/Pelaburan Kerajaan		✓	
		(iii) Pentadbiran Perniagaan dan Kewangan Korporat		✓	
		(iv) Dasar Belanjawan Negara	✓	✓	
		(v) Perolehan dan Pengurusan Aset Kerajaan	✓	✓	
		(vi) Kewangan Islam	✓	✓	
	9. Keselamatan Dalam Negeri (*BIDANG KEUTAMAAN)	(i) Hubungan Strategik Perpaduan dan Keharmonian Negara	✓	✓	
		(ii) Keselamatan dan Kedaulatan Angkasa	✓	✓	
		(iii) Keselamatan Kedaulatan Sempadan	✓	✓	
		(iv) Hal Ehwal Imigresen dan Anti Pmerdagangan Manusia	✓	✓	
		(v) Keselamatan dan Ketenteraman Awam	✓	✓	
		(vi) Kawalan Penerbitan, Filem dan Teks Serta Mesin Cetak		✓	
		(vii) Dasar Kewarganegaraan		✓	
		(viii) Hal Ehwal Pilihanraya		✓	
	10. Keselamatan Pertahanan	(i) Diplomasi Pertahanan	✓	✓	
		(ii) Hal Ehwal Pertahanan Antarabangsa	✓	✓	
		(iii) Industri Pertahanan	✓	✓	
		(iv) Teknologi Pertahanan	✓	✓	
	Sains Sosial	11. Sosio-Politik Antarabangsa & Hal Ehwal Luar Negeri	(i) Diplomasi Politik Dua Hala (<i>Bilateral Political Diplomacy</i>)	✓	✓
			(ii) Diplomasi Politik Pelbagai Hala (<i>Multilateral Political Diplomacy</i>)	✓	✓
(iii) Dasar Perhubungan Antarabangsa (<i>International Relation Policy</i>)			✓	✓	
(iv) Isu Hubungan Antarabangsa			✓	✓	
(v) Hal Ehwal ASEAN			✓	✓	

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK)**

(* Nota: **BIDANG KEUTAMAAN** merupakan bidang- bidang penting yang diberikan penekanan berdasarkan kepada keperluan semasa dan trend permintaan pada tahun sebelum)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	12. Pengurusan Sains dan Pembangunan Teknologi	(i) Pengurusan Dasar Bioteknologi Nasional	✓	✓
		(ii) Pengurusan Penyelidikan, Pembangunan, Permerdagangan / Pelaburan Pacuan Pasaran Sains dan Teknologi	✓	✓
		(iii) Pengurusan Harta Intelek	✓	✓
		(iv) Pengurusan Perkhidmatan Sains dan Teknologi	✓	✓
		(v) <i>Managing Emerging Technologies</i>	✓	✓
		(vi) Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar	✓	✓
Sastera & Kemanusiaan	13. Pembangunan Manusia dan Kesejahteraan Komuniti	(i) Pembangunan Manusia Berasaskan Kesejahteraan Komuniti	✓	✓
		(ii) Dasar Pembangunan Manusia Berasaskan Pendidikan	✓	✓
		(iii) Dasar Pembangunan Manusia Berasaskan Kesihatan	✓	✓

JPA

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT)**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Fizikal	1. System Development	(i) <i>Mobile Application Development</i>	✓	✓
		(ii) <i>Application of The Internet of Things</i>		
		(iii) <i>Cloud Computing: Cloud Enabled Application</i>		
		(iv) <i>Application Security : Secured Programming</i>		
		(v) <i>Application Architecture (to cover mobile, social computing, cloud, BYOD, Open Data)</i>		
		(vi) <i>Software Quality Assurance : (e.g : Testing, Performance)</i>		
		(vii) <i>Application Development : Methodology (Agile)</i>		
		(viii) <i>Application Development: Domain Specific (Human Resource, Health, Finance, Geo-Spatial, Trade Facilitation, Land)</i>		
	2. Database Management	(i) <i>Database Design, Architecture</i>	✓	✓
		(ii) <i>Database Security : managing access control, lightweight encryption for database</i>		
		(iii) <i>Data Warehousing : semantic on data mapping</i>		
		(iv) <i>Data Mining : forensic for fraud detection</i>		
(v) <i>Data Migration : Interpreter for exporting relational to xml</i>				
(vi) <i>Enterprise Data Integration and Management</i>				
3. Information Security Management	(i) <i>Enterprise Mobility Security</i>	✓	✓	
	(ii) <i>Cloud Computing Security</i>			
	(iii) <i>Digital Document Security</i>			
	(iv) <i>Predictive Cyber Intelligence</i>			
	(v) <i>Data Protection: Enterprise / Organisation, Big Data/ Open Data</i>			
	(vi) <i>Advance Persistent Threats</i>			
	(vii) <i>Cyber Security/ Information Security Metrics and Performance Management</i>			
	(viii) <i>Cyber Security/ Information Security Architecture: Enterprise/Organisation</i>			
	(ix) <i>Business Continuity: ICT Disaster Recovery</i>			
	(x) <i>Secured Software Development</i>			
	(xi) <i>Information Security Risk Management</i>			
	(xii) <i>Governance, Risk, Compliance Measurement</i>			

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT)**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Fizikal	4. Data Center Management	(i) <i>ICT Infrastructure Capacity Planning for Data Centre</i>	✓	✓
		(ii) <i>Data Center Solution Architecture: Infrastructure for Cloud and Green Computing</i>		
		(iii) <i>Disaster Recovery Centre (DRC)</i>		
	5. Network Management	(i) <i>Network Performance Analysis</i>	✓	✓
		(ii) <i>Network Solution Architecture</i>		
		(iii) <i>Mobile Device Management (MDM)</i>		
		(iv) <i>Wireless Network: Standard</i>		
		(v) <i>Network Security</i>		
		(vi) <i>Network Improvement (Features, Performance and Capacity)</i>		
	6. ICT Strategic Planning (ISP)	(i) <i>Strategic Analytics</i>	✓	✓
		(ii) <i>ICT Maturity – Framework, Model</i>		
		(iii) <i>ICT Business Architecture – Context Diagram, BPR</i>		
		(iv) <i>Business Process Architecture & Redesign Strategy</i>		
	7. Enterprise Architecture	(i) <i>Solution Architecture - Metadata Design, Software Architecture, Cloud/ Client Architecture</i>	✓	✓
		(ii) <i>Business Integration Computing</i>		
		(iii) <i>EA Governance -Principles, Standards and Practices</i>		
	8. Enterprise Content Management	(i) <i>Social Computing - Software Application Development (SAD) for Information Management</i>	✓	✓
		(ii) <i>Business/ Service Intelligence</i>		
		(iii) <i>Knowledge Management Governance – Change Management</i>		
		(iv) <i>E-Learning - Ontology Design and Management, Instructional Design and Development, Learning Management System (LMS)</i>		
(v) <i>Knowledge Ecosystem</i>				

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT)**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Fizikal	9. ICT Project Management	(i) <i>Communication and collaboration tools for project management</i>	✓	✓
		(ii) <i>Effective Resource management in project management</i>		
		(iii) <i>Quality & conformance in procurement management</i>		
		(iv) <i>ICT Contract Management - ownership (IP), legality, Service Level Agreement (SLA), Service Model (development contract, pay per use contract, service management contract)</i>		
		(v) <i>Project Risk Management – Risk Index, Risk Mitigation Plan</i>		
	10. ICT Governance	(i) <i>ICT Portfolio and Program Management - guidelines, framework, models & methodology, ICT Governance Structure (Organizational Behaviour, HR, Change Management)</i>	✓	✓
		(ii) <i>ICT Strategic Alignment - Risk based Strategic Planning, Business IT Alignment (BITA)</i>		
		(iii) <i>Facility Management – technical & end user approaches and guidelines</i>		
		(iv) <i>Resource Management - Capacity Planning & Budgeting</i>		
	11. Information Management	(i) <i>Big Data : Data Analytics, Data Management, Data Engineering, Design, Architecture, Predictive Analysis</i>	✓	✓
		(ii) <i>Open Data: Methodology, Adoption, Platform, etc</i>		

JPA

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL)**

(* Nota: **BIDANG KEUTAMAAN** merupakan bidang- bidang penting yang diberikan penekanan berdasarkan kepada keperluan semasa dan trend permintaan pada tahun sebelum)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGGHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Kejuruteraan & Teknologi	1. Mechanical Engineering (*BIDANG KEUTAMAAN)	(i) <i>Metal Fabrikasi</i>	✓	✓
		(ii) <i>Welding</i>		
		(iii) <i>Materials</i>		
		(iv) <i>Automotive</i>		
		(v) <i>Industrial Product Design</i>		
		(vi) <i>Mechanical Automation</i>		
		(vii) <i>Refrigeration And Air-conditioning</i>		
		(viii) <i>Aviation</i>		
		(ix) <i>Petroleum</i>		
		(x) <i>Maintenance</i>		
		(xi) <i>Innovation and Engineering Design</i>		
		(xii) <i>Biochemical-Biotechnology</i>		
	2. Electrical, Electronics And Telecommunication Engineering (*BIDANG KEUTAMAAN)	(i) <i>Mechatronics</i>	✓	✓
		(ii) <i>Automation</i>		
		(iii) <i>Telecommunication</i>		
		(iv) <i>Biomedical engineering</i>		
		(v) <i>Microelectronic</i>		
		(vi) <i>Industrial Electronics</i>		
	3. General (Engineering)	(i) <i>Quality Assurance Engineering</i>	✓	✓
		(ii) <i>Safety, Health and Environment</i>		
		(iii) <i>Green Technology</i>		
	4. Computer Engineering (*BIDANG KEUTAMAAN)	(i) <i>Multimedia animation</i>	✓	✓
		(ii) <i>Networking</i>		
		(iii) <i>Computer system</i>		
		(iv) <i>Software development</i>		
		(v) <i>Hardware development</i>		
	5. Management (Engineering)	(i) <i>Occupational Safety and Health Management</i>	✓	✓
(ii) <i>Science Management</i>				
(iii) <i>Project Management</i>				
6. Civil Engineering	(i) <i>Structural</i>	✓	✓	
	(ii) <i>Geotechnical</i>			
	(iii) <i>Perkhidmatan Bangunan</i>			

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP DAN CBBPTB SESI 2017
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
(PEGAWAI PSIKOLOGI)**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	Ph.D	SARJANA
Sains Sosial	1. Psikologi Industri & Organisasi	Tingkah laku Organisasi (<i>Organisational Behaviour</i>)	✓	✓
	2. Psikologi Penyelidikan & Psikometrik	(i) Psikometrik		✓
		(ii) Statistik		✓
	3. Psikologi Sosial	Keluarga	✓	✓
	4. Psikologi Tingkahlaku	Behaviour Analysis		✓
	5. Psikologi Klinikal	Psikologi Kesihatan	✓	
	6. Psikologi Perkembangan	<i>Child Psychology</i>		✓
	7. Kaunseling	(i) Kaunseling Krisis		✓
(ii) Kaunseling Pemulihan				✓

JPA

**SENARAI UNIVERSITI
BAGI PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN DAN
CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA
SESI 2017**

BIL.	UNIVERSITI AWAM (UA)
A. UNIVERSITI PENYELIDIKAN	
1.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2.	Universiti Malaya (UM)
3.	Universiti Putra Malaysia (UPM)
4.	Universiti Sains Malaysia (USM)
5.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
B. UNIVERSITI KOMPREHENSIF	
1.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
2.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
3.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
4.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
C. UNIVERSITI BERFOKUS	
1.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
2.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
3.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
4.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
5.	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSII)
6.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
7.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
8.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
9.	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
10.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
11.	Universiti Utara Malaysia (UUM)
BIL.	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)
1.	Asia Pasific University College of Technology and Innovation (UCTI)
2.	Curtin University (Malaysia Campus), Sarawak
3.	Limkokwing University of Creative Technology, Cyberjaya
4.	Monash University (Sunway Campus)
5.	Swinburne University of Technology (Sarawak Campus)
6.	The Global University of Islamic Finance (INCEIF), Kuala Lumpur
7.	Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)
8.	Universiti Multimedia Malaysia (MMU)
9.	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
10.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
11.	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
12.	University College Sedaya International (UCSI University)
13.	University of Nottingham (Malaysia Campus), Semenyih